



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	22/10/2019	MUKA SURAT	: 33
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

19 laluan 'kubur' haiwan liar

Kerap berlaku kemalangan libat hidupan liar di Negeri Sembilan

NORAFIDAH ASSAN

KUALA PILAH

Sebanyak 19 laluan di Negeri Sembilan dikenali sebagai 'hot-spot roadkill' kerana kerap berlaku kemalangan yang melibatkan hidupan liar melintas jalan sejak tahun 2015.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, rekod daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar

dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Sembilan itu menunjukkan laluan Seremban-Kuala Pilah yang melintasi koridor CFS2 SL7 Hutan Simpan Angsi-Berembun direkodkan sebagai 'hotspot roadkill' yang paling tinggi.

"Komuniti hidupan liar terutamanya tapir masih tinggi di Negeri Sembilan dan seringkali menjadi mangsa 'roadkill' selain babi hutan, kambing gurun, harimau kumbang dan berrang.

"Bagaimanapun Perhilitan dengan usahasama Jabatan Perhutanan dan Kerajaan Negeri Sembilan telah mengambil langkah awal memberi peringatan kepada pengguna jalan raya menerusi pemasangan papan tanda lintasan hidupan liar," katanya pada



Aminuddin (tiga dari kiri) melepaskan Ulu Bendul semalam.

sidang akhbar selepas Roadshow Pelancaran Central Forest Spine (CFS) Negeri Sembilan 2019 di Taman Eko-Rimba Ulu

Bendul di sini semalam. Dalam pada itu, Aminuddin berkata, rancangan penubuhan Pusat Konservasi Tapir Kebangsaan di

Hutan Simpan Kenaboi merupakan usaha kerajaan Negeri Sembilan untuk memelihara hidupan liar yang termaktub dalam Ranca-

Laluan haiwan liar melintas jalan

- Jalan itu termasuk di Bahau, Keratong, Gemas, Kuala Klawang, Paradong, Simpang Durian dan Bukit Tinggi

- Jalan Seremban-Kuala Pilah dari kilometer 10 hingga 20

ngan Struktur Negeri (KSN) 2045.

"Pusat Konservasi ini bertujuan untuk menyelamatkan spesies tapir yang kian terancam.

"Pusat Konservasi Tapir Kebangsaan akan ditubuhkan di Taman Negeri, Hutan Simpan Kenaboi, melebihi melibatkan keluasan 200 ekar," katanya.